

BAB 2

LATAR BELAKANG DAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan meninjau latar belakang dan kajian-kajian lepas berkaitan dengan penggunaan bahan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah.

2.2 LATAR BELAKANG

Tinjauan terhadap latar belakang penggunaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu latar penggunaan di dalam negeri dan latar belakang penggunaan di luar negeri.

2.2.1 Latar belakang luar negeri

Antara negara yang terawal memperkenalkan idea menggunakan akhbar sebagai alat pengajaran ialah Amerika Syarikat, iaitu ekoran daripada kemerosotan edaran akhbar. Sejak radio dan televisyen diperkenalkan, tumpuan rakyat terhadap pembacaan akhbar makin merosot.

Penggunaan bahan akhbar di dalam bilik darjah diperkenalkan secara rasmi di Amerika Syarikat di bawah program 'Newspaper in Education (NIE)' pada tahun 1958. Menurut laporan Unesco:

"The first Newspaper In the classroom (NIE) programmes were started in 1958, and newspaper members of American Newspaper Publishers Association (ANPA) join in with such enthusiasm that by 1972 ANPA figures showed more than 350 newspapers, 95,000 teachers in 34,000 schools and more than five million students were involved in NIC programmes."

UNESCO, (1987:75).

Sebenarnya idea ini telah diperkenalkan oleh Edgar Dale daripada Ohio State University sejak tahun 1930-an lagi. Beliau giat menerbitkan risalah-risalah berkaitan teknik pengajaran dengan menggunakan bahan akhbar. Pada tahun 1940, beliau telah menerbitkan buku berjudul '**How To Read A Newspaper**'. telah Komen Sim (UNESCO, 1987 :75) tentang buku beliau:

"... a book that has had a dramatic effect on opening up teaching methods to the use of current, inherently interesting materials."

Usaha-usaha Edgar Dale, bagaimanapun tidak mendapat sambutan hangat daripada para guru sehingga pada tahun 1956, apabila ahli-ahli daripada American Newspaper Publishers Association, the National Association of Secondary School Principals, the American Association of School Administrators dan the Association for Supervision and Curriculum Development berkumpul dan

berbincang secara serius tentang kepentingan penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran di sekolah-sekolah. Hasilnya, pada tahun 1958, program NIE telah diperkenalkan secara rasmi di Amerika Syarikat.

Pada tahun-tahun awal diperkenalkan, objektif utama program NIE lebih menekankan fungsi 'pengawasan' dan 'agenda setting' seperti yang dinyatakan dalam majalah **Media & Methods**, iaitu:

"to develop in young people a continuing desire and ability to read a newspaper critically and reflectively, a concern for public issues and a motivation to involve themselves in the self-governing process, and an understanding of the role of a free press in our society."

(**Media & Methods**, April 1980).

Perkembangan NIE di Amerika Syarikat pada amnya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat yang utama. Peringkat pertama ialah pada tahun-tahun 30-an di mana terdapat beberapa orang guru menggunakan akhbar sebagai sumber pengajaran di bilik darjah secara tidak rasmi. Peringkat kedua pula ialah di sekitar tahun-tahun 50-an dan 60-an, di mana program NIE diperkenalkan secara rasmi. Di sekitar tahun-tahun 50-an dan 60-an ini pihak akhbar dengan kerjasama bahagian pendidikan giat menjalankan pelbagai kempen untuk menggalakkan guru-guru menggunakan bahan akhbar sebagai bahan pengajaran di bilik darjah. Kempen-kempen ini termasuklah pembekalan akhbar secara percuma kepada sekolah-sekolah,

mengedarkan risalah-risalah (mengenai program 'NIE') dan menganjurkan bengkel-bengkel untuk memberikan pendedahan tentang program 'NIE' kepada guru.

Peringkat ketiga pula ialah peringkat perkembangan program 'NIE', iaitu di sekitar tahun 70-an. Pada masa ini, telah timbul kesedaran pelbagai golongan masyarakat sama ada pihak guru, agensi akhbar atau ibu bapa terhadap kepentingan akhbar dalam dunia pendidikan. DeRoche (1990: 19) memberikan ulasan perkembangan ini sebagai:

"... starting in the '70s, educators and newspapers began to realize and then to demonstrate the value and usefulness of newspaper content in all grades and in most subjects"

".....along with the move from limited use in secondary schools to much broader use, a parallel transition took the educational use of newspaper program from, "we'll give you our newspaper without cost if you'll use it" to "we have a valuable educational product that will cost you something." (DeRoche, 1990:19).

Pada tahun-tahun 90-an pula, syarikat akhbar di Amerika Syarikat lebih menumpukan perhatian terhadap penyelidikan ke arah meningkatkan lagi keupayaan akhbar sebagai bahan pengajaran, alat perhubungan, 'civic skills' dan alat penyebaran maklumat. Seminar-seminar dan bengkel-bengkel bertujuan menambah kemahiran terhadap

teknik penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran masih diteruskan sehingga ke hari ini.

2.2.2 Latar belakang dalam negeri

Di Malaysia, penggunaan **akhbar** sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah telah dilancarkan secara rasmi pada 29 Mei 1985 oleh syarikat akhbar **New Straits Times** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Idea ini adalah lanjutan daripada kejayaan program NIE di Amerika Syarikat. Di Malaysia, program ini turut dikenali sebagai program Newspaper In Education (NIE) dalam bahasa Inggeris atau program Akhbar Dalam Darjah (ADD) dalam bahasa Melayu.

Tujuan utama pelancaran program ADD atau NIE di Malaysia ialah untuk membantu mencapai matlamat pendidikan seperti yang disarankan dalam konsep KBSR dan KBSM. Fungsi penggunaannya terhad sebagai bahan ‘alat bantu mengajar atau bahan sokongan dengan buku teks masih sebagai bahan pengajaran yang utama (risalah **Berita Harian**, 1992). Program NIE/ADD ini memperkenalkan penggunaan akhbar **The New Straits Times** dan **Berita Harian** sebagai bahan pengajaran oleh guru-guru di bilik darjah. Sekolah-sekolah yang melanggan kedua-dua jenis akhbar ini dengan tujuan untuk digunakan sebagai sumber pengajaran di bilik darjah diberikan potongan harga yang istimewa, iaitu kira-kira 30 sen bagi sebuah akhbar.

Sejak program NIE/ADD mula dilancarkan sehingga sekarang, syarikat akhbar **The New Straits Times** dan Kementerian Pendidikan giat mengadakan bengkel-bengkel(ceramah) di sekolah-sekolah, maktab perguruan dan di institusi-institusi pengajian tinggi di setiap daerah/negeri. Tujuan utama adalah untuk mendedahkan guru-guru kepada penggunaan bahan akhbar semasa mengajar di bilik darjah. Di samping itu, adalah hasrat pihak **The New Straits Times** dan juga Kementerian Pendidikan untuk menyemaikan minat, memberikan panduan, teknik-teknik dan kemahiran penggunaan bahan akhbar yang berkesan dan terbaru kepada guru-guru mengikut bidang (subjek) mata pelajaran yang diajar oleh mereka. Peluang untuk menghadiri bengkel/ceramah ADD/NIE terbuka kepada semua guru yang mengajar di sekolah, bakal-bakal guru di maktab perguruan atau institusi pengajian tinggi, tanpa mengira mata pelajaran yang diajar/mata pelajaran pengkhususan, tingkatan diajar dan taraf kelulusan akademik mereka. Sehingga tahun 1992 (risalah **Berita Harian**, 1992) seramai 26,000 orang guru dan 300,000 orang pelajar daripada pelbagai sekolah rendah dan menengah telah menyertai bengkel-bengkel ADD yang dianjurkan.

Selaras dengan pelancaran program NIE/ADD beberapa aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan pendidik dan para pelajar, khurusnya, telah diadakan oleh syarikat akhbar **The New Straits Times** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Antaranya ialah:

- (i) Bermula pada 29 Mei 1985, diperuntukkan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu ruangan NIE/ADD di dalam akhbar **The New Straits Times** dan **Berita Harian**. Pada 1 November 1991 pula, satu halaman diperuntukkan setiap hari untuk ruangan ADD kecuali pada hari Ahad. Ruangan ADD memuatkan pelbagai maklumat dan panduan berkaitan dengan berita/rencana pendidikan, aktiviti pelajar, panduan peperiksaan, ruangan bahasa (**Yang Indah Itu Bahasa**), Panduan Kerjaya, Ruangan Pendapat/Forum Pembaca, Kegiatan Masa Cuti ADD, Kuiz Pencegahan Dadah dan lain-lain lagi.

- (ii) **Pesta Pantun sekolah-Sekolah Menengah**
Pesta Pantun dianjurkan bersama oleh syarikat **The New Straits Times** dengan **Kementerian Pendidikan, Radio Televisyen Malaysia (RTM)** dan **Penerbangan Malaysia(MAS)**. Pesta Pantun melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai jenis sekolah di seluruh Malaysia. Tujuannya untuk menggalakkan penghayatan puisi Melayu di kalangan para pelajar.

- (iii) **Kuiz Pencegahan Dadah 5 + 1**
Dianjurkan oleh syarikat The New Straits Times dengan kerjasama Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD) Jabatan perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan. Tujuannya untuk memberi pemahaman kepada pelajar mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

(iv) **Pesta Pantun Antara Varsiti**

Dianjurkan oleh pihak **Berita Harian** dengan kerjasama universiti-universiti yang terlibat. Program ini melibatkan pertandingan pantun antara para penuntut di institusi pengajian tinggi bertujuan untuk mengeratkan interaksi diantara pihak akhbar dengan penuntut dari pelbagai pusat pengajian tinggi.

(v) **Pameran Pendidikan**

Dianjurkan oleh syarikat **The New Straits Times** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah atau tempat-tempat khas yang tertentu bertujuan memupuk minat para pelajar untuk menimba lebih banyak ilmu pengetahuan. Melalui pameran pendidikan juga, pelajar-pelajar mendapat maklumat dan bimbingan kerjaya.

(vi) **Pertandingan Bolasepak Piala ADD**

Dianjurkan oleh pihak **Berita Harian** bertujuan mengisi masa lapang para pelajar dengan kegiatan-kegiatan yang sihat.

(vii) **Seminar Kemahiran Belajar.**

Dianjurkan oleh syarikat akhbar **The New Straits Times** menjelang musim peperiksaan untuk memberi bimbingan kepada para pelajar tentang cara-cara belajar dan persediaan sebelum memasuki dewan peperiksaan. Keutamaan

diberikan kepada pelajar yang akan mengambil peperiksaan, misalnya PMR dan SPM.

Pada tahun 1988 pula, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan secara rasminya telah melaksanakan program menggunakan **majalah** sebagai bahan sokongan dalam pengajaran di bilik darjah. Program ini dikenali sebagai program Majalah di dalam Kelas (MDK). Pada permulaannya, program ini hanya ditujukan kepada guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu sahaja. Secara beransur-ansur, penggunaannya mulai meluas melibatkan hampir kesemua guru yang mengajar semua mata pelajaran, sama ada di sekolah rendah atau menengah.

Tujuan utama program MDK dilaksanakan adalah untuk menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan pelajar terlibat dalam proses pembudayaan ilmu. Ini bermakna, di samping berusaha untuk mendapatkan kelulusan yang cemerlang, para pelajar juga harus diasuh untuk meraih seberapa banyak ilmu pengetahuan melalui bahan-bahan bacaan yang bermutu dan boleh dipertanggungjawabkan (Azizul Rahman, 1991:3).

Seperti program ADD/NIE, program MDK memperkenalkan penggunaan majalah sebagai bahan sokongan (alat bantu mengajar) di bilik darjah. Ini bermakna bahawa buku teks masih berfungsi sebagai bahan pengajaran yang utama. Majalah

yang digunakan dalam program ini ialah majalah **Dewan Pelajar** dan **Dewan Siswa**. Majalah **Dewan Pelajar** digunakan untuk mengajar murid-murid di peringkat sekolah rendah manakala **Dewan Siswa** untuk para pelajar sekolah menengah. Sebagai insentif, pihak DBP memberikan diskaun sehingga RM 1.00 sebuah kepada sekolah-sekolah yang melanggan majalah ini untuk digunakan sebagai sumber pengajaran dalam kelas. Menurut Azizul Rahman (1991: 3), edaran majalah **Dewan Siswa** setiap bulan pada masa ini dianggarkan lebih daripada 250,000 naskah berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, kurang daripada 17,000 naskah sebulan. Secara tidak langsung, angka ini menunjukkan adanya sambutan yang positif sama ada daripada pihak murid atau guru terhadap majalah **Dewan Siswa**.

Seperti syarikat akhbar **The New Straits Times**, pihak DBP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan turut menganjurkan bengkel-bengkel (ceramah) berkenaan program MDK. Tujuan utama ialah memberikan pendedahan kepada guru-guru tentang kepentingan penggunaan majalah sebagai salah satu sumber pengajaran di bilik darjah. Bengkel-bengkel 'MDK' turut memberikan panduan terhadap teknik-teknik menggunakan majalah untuk mengajar mata pelajaran tertentu di bilik darjah. Peluang untuk mengikuti bengkel terbuka kepada semua guru dan bakal guru daripada pelbagai sekolah, maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi di seluruh negeri di Malaysia.

Antara faktor yang mendorong pihak DBP memperkenalkan program MDK ialah keberkesanan penggunaan majalah **Dewan Siswa** di Sekolah Menengah Tun Sri Lanang di Muar sejak tahun 1985. Seorang guru dari sekolah berkenaan, Azizul Rahman Abdul Rahman yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di tingkatan tiga, empat dan lima melihat majalah sebagai satu potensi yang menarik untuk dijadikan alat bantu mengajar di bilik darjahdi samping buku teks. Beliau kerap menggunakan majalah **Dewan Siswa** sebagai bahan pengajaran di dalam kelas. Hasilnya, prestasi kelulusan mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat SRP dan SPM sekolah beliau bertambah baik dari masa ke semasa, sama ada di kalangan para pelajar Melayu ataupun pelajar bukan Melayu.

Idea beliau kemudiannya turut dicontohi oleh guru-guru lain (guru yang mengajar bahasa Melayu) di sekolah beliau dan guru-guru di sekolah lain. Pihak DBP, yang tertarik dengan idea berkenaan, telah memperkenalkan program MDK secara rasmi sehingga sekarang. Buat masa ini, Azizul merupakan salah seorang penceramah dalam bengkel-bengkel MDK yang dianjurkan oleh pihak DBP.

2.3 KAJIAN-KAJIAN DAN TULISAN YANG BERKENAAN

Sebelum dapatan kajian ini dihuraikan, disertakan beberapa dapatan kajian berkaitan yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Dapatan-dapatan kajian dan tulisan-tulisan yang berkaitan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- (a) Kajian dan tulisan dalam negeri.
- (b) Kajian dan tulisan luar negeri.

2.3.1 KAJIAN DAN TULISAN DALAM NEGERI

Kebanyakan kajian dan tulisan dalam negeri memfokuskan perhatian kepada masalah-masalah penggunaan bahan, kajian perbandingan terhadap jenis-jenis media yang popular di kalangan guru, kesesuaian bahan, sikap guru terhadap penggunaan bahan, kadar dan minat para pelajar dan ibu bapa terhadap pembacaan akhbar, dan kaedah penggunaan bahan media massa dalam pengajaran di bilik darjah. Walau bagaimanapun, kajian dalam negeri kurang memberi perhatian terhadap keberkesanan penggunaan media dalam pengajaran sama ada dalam pengajaran bahasa Melayu ataupun bahasa-bahasa yang lain.

Sampel kajian dalam negeri memberi penekanan kepada pelbagai jenis sekolah, iaitu sekolah luar bandar dan sekolah di sekitar bandar, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan, sekolah Menengah dan sekolah Rendah.

Kajian dalam negeri juga banyak melibatkan kajian di peringkat latihan ilmiah dan kurang kajian yang berkaitan di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran. Beberapa kajian dipetik untuk dibincangkan dalam bab ini. Antaranya, kajian Ab. Rahman Rashid terhadap program Akhbar Dalam Darjah (ADD) di Sekolah

Menengah Tengku Menteri, Changkat Jering, Taiping. Keputusan kajian Ab. Rahman (1986:95-100) menunjukkan sebanyak 85.7% daripada guru dalam sampel kajiannya selalu menggunakan buku teks dan papan tulis semasa mengajar bahasa Melayu. Mereka jarang menggunakan bahan akhbar dalam pengajaran mereka dan jika adapun, hanya sebilangan kecil sahaja. Di kalangan guru yang menggunakan bahan akhbar pula hanya 25% sahaja yang memperuntukkan masa melebihi 30 minit setiap kali menggunakan potongan akhbar semasa mengajar bahasa Melayu. Guru-guru berkenaan memberikan alasan-alasan berikut yang menyebabkan mereka lebih suka menggunakan buku teks dan papan hitam sahaja:

- (i) Beban mengajar yang berat. Mereka terpaksa mengajar lebih daripada tiga kelas bahasa Melayu. Selain itu, mereka terpaksa juga mengajar mata pelajaran lain seperti Geografi dan Sejarah di samping BM. Pada waktu petang, mereka terpaksa melibatkan diri dalam kegiatan ko kurikulum pula.
- (ii) Tidak pernah terdedah kepada sebarang bengkel dan kursus ADD.
- (iii) Ketidakcekapan Panitia mata pelajaran bahasa Melayu. Pihak Panitia tidak memperuntukkan masa untuk guru-guru menggunakan akhbar dalam kelas. Pihak Panitia tidak memperuntukkan sumber kewangan untuk mendapatkan bekalan akhbar.

Thalatha Zaitun (1985) membuat kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan, Bandar Pusat Jengka, Pahang dengan sampel kajian murid-murid tingkatan empat.

Antara ciri-ciri sekolah tersebut ialah terletak di lokasi luar bandar dan terdiri daripada pelajar-pelajar (hampir kesemuanya) berbangsa Melayu. Kajian beliau memberi perhatian kepada ujian kebolehan para pelajar tingkatan empat sekolah tersebut menjawab soalan-soalan kesahaman dan tatabahasa yang digubal daripada petikan akhbar. Keputusan kajian menunjukkan hampir keseluruhan pelajar yang terlibat dalam kajian dapat memahami petikan yang diberikan kepada mereka. Kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan oleh para pelajar ialah kesalahan ejaan (50.9%), kesalahan tatabahasa (menyusun semula ayat mengikut hukum tatabahasa yang betul) (21.7%) dan menulis semula isi-isi petikan (12.8%). Selanjutnya, keputusan kajian beliau turut menggambarkan bahawa tempoh mengajar dan pengalaman mengajar guru mempengaruhi sikap guru terhadap penggunaan bahan sama ada daripada akhbar, majalah dan lain-lain. Guru-guru bahasa Melayu yang baru mengajar (selama 11 bulan hingga 2 tahun) hanya menggunakan buku teks dan buku ulang kaji dengan contoh jawapan dalam pengajaran. Sementara di kalangan guru-guru bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman mengajar selama 5 tahun ke atas, hampir kesemuanya pernah dan kerap menggunakan surat khabar, majalah dan kaset di samping buku teks semasa mengajar di bilik darjah. Tujuannya adalah untuk menarik minat para pelajar mereka.

Terdapat beberapa kajian yang menyentuh kesesuaian bahan. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat pemilihan bahan yang teliti adalah perlu sebelum bahan-bahan berkenaan dapat digunakan sebagai bahan pengajaran di bilik darjah. Antara kajian

berkaitan ialah kajian Abdul Rahim (1988: 38-40) yang memilih sampel kajian murid-murid berbangsa Cina dan India (kelas peralihan) di Sekolah Menengah Rendah bandar Kota Tinggi, Johor. Melalui analisis kandungan, beliau mendapati bahawa tidak semua rencana, berita dan gambar-gambar dalam akhbar sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran dalam bilik darjah (1988:40). Antaranya ialah rencana-rencana yang mengecam dasar-dasar kerajaan, rencana-rencana yang menggalakkan pemujaan terhadap budaya asing, rencana-rencana/berita yang memainkan isu-isu politik dan perkauman, dan isu-isu yang bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran. Rencana/ berita atau isu ini, apabila digunakan, boleh mengelirukan murid-murid. Terdapat juga gambar-gambar dalam akhbar yang bersifat lucu, menjolok mata dan memaparkan tingkah laku yang liar dan ganas. Penyelidik berpendapat gambar-gambar demikian tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran. Oleh itu, guru hendaklah menyunting terlebih dahulu bahan-bahan yang hendak digunakan. Sebagai panduan, guru-guru boleh merujuk kepada objektif pengajaran, peringkat umur murid-murid, dan masa pengajaran semasa membuat pemilihan bahan-bahan akhbar yang ingin digunakan untuk tujuan sesuatu pengajaran.

Pendapat yang sama diutarakan oleh Kamaruddin Husin (1986:242) yang menyatakan bahawa bahan-bahan yang akan digunakan perlu dikaji dan dicuba kesesuaiannya pada peringkat tertentu terlebih dahulu. Bahan-bahan yang digunakan dalam bilik darjah haruslah berkaitan dengan kehidupan harian masyarakat, dikawal bahasanya dari segi gaya dan pendekatan.

Menurut Mat Nor dan Ab. Rahman (1988:83), guru-guru haruslah pandai memilih keratan-keratan akhbar yang sesuai dengan minat dan pengetahuan sedia ada pelajar, berpatutan dari segi jumlah perkataan, dan sesuai dengan hal ehwal semasa yang hangat dibincangkan.

Nesamalar Chitravelu (Asmah Hj. Omar, 1984:107) berpendapat bahawa guru-guru boleh membuat pemilihan petikan berdasarkan tiga aspek yang berikut:

- (i) Pandangan guru bahasa: Apakah tujuan beliau memilih teks itu?
- (ii) Kemampuan pelajar: Ini bergantung pada peringkat umur, tingkat kesedaran, pengalaman, tingkat pencapaian bahasa, janjiwa dan sebagainya.
- (iii) Linguistik dan pedagogi: Apakah teks yang dipilih sesuai dengan laras bahasa yang akan diajarkan?

Sharifah Alwiah Alsagoff (1984:71) pula menyenaraikan beberapa ciri bahan yang sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu.

Antaranya ialah:

- (a) Perbendaharaan kata dan bahasa boleh difahami oleh penuntut.
- (b) Konsep mata pelajaran boleh diikuti oleh penuntut.
- (c) Tajuk dan keterangan berkaitan dengan mata pelajaran.
- (d) Penggunaan untuk individu atau kumpulan adalah seperti yang dikehendaki.
- (e) Mempunyai hubungan dengan pengalaman penuntut.

- (f) Keterangan isi kandungan tepat dan boleh dipercayai.
- (g) Penyampaian dan isi tidak membosankan.
- (h) Penyampaian dan isi menarik imaginasi, minat dan perasaan.

Berita Harian, pada 31 Julai, 1984 pula mendedahkan kesesuaian bahan-bahan sastera untuk digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu. Ini adalah kerana bahan-bahan sastera bukan sahaja mencerminkan perkembangan pemikiran serta inspirasi bangsa tetapi bahan-bahan sastera turut memperkenalkan bentuk bahasa yang beragam dan kompleks.

Di samping itu, terdapat juga kajian mengenai perbandingan media yang paling popular digunakan sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu di kalangan guru sekolah. Kajian oleh Abu Talib Abdullah (1988) di tingkatan empat di sekolah-sekolah sekitar bandar Johor mendapati media akhbar menduduki tempat pertama (menjadi pilihan utama guru-guru), diikuti oleh alat perakam, radio, dan televisyen.

Kajian di peringkat sarjana oleh Taha Abdul Kadir (1977) dan Mohd. Zainuddin (1982) menunjukkan para pelajar dan ibu bapa mereka berminat membaca akhbar. Kebanyakan para pelajar mendapat galakan secara tidak langsung daripada ibu bapa masing-masing untuk membaca akhbar. Menurut Taha Abdul Kadir (1977:131):

Ibu bapa Melayu hampir kesemuanya membeli senaskah surat khabar setiap hari. Kalau tidak membelyn, mereka membaca sama ada di tempat kerja, rumah jiran atau kedai kopi. Mereka gemar membaca surat khabar kerana ingin mengetahui perkembangan dunia dan tanah air, mengisi masa lapang dan hiburan.

Kajian oleh Mohd. Zainuddin (1982: 63) menunjukkan kebanyakan ibu bapa sampel kajianya ada melanggan surat khabar pada tiap-tiap hari dan juga sekolah-sekolah turut melanggan surat khabar untuk dibaca oleh para pelajar. Namun, ibu bapa tidak pula membimbang anak-anak mereka untuk menggunakan bahan-bahan akhbar sebagai alat bantu dalam pengajaran dengan secara langsung. Keadaan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Taha Abdul Kadir (1977) , iaitu:

“Mereka (Ibu bapa) tidak pula menggunting berita-berita yang berguna dan bersangkutan dengan pelajaran dan diberikan kepada anak-anak. Mereka tidak enyimpan lama surat khabar itu, apabila agak lama, lantas dijual sebagai kertas lama.”

(Taha Abdul Kadir, 1977: 132).

Oleh itu, melalui penggunaan bahan akhbar dan majalah semasa guru mengajar di dalam kelas, diharapkan secara tidak langsung akan memberi bimbang kepada para pelajar cara-cara belajar menggunakan bahan akhbar dan majalah. Dengan cara ini, para pelajar dapat diasuh supaya menganggap akhbar dan majalah bukan sahaja sebagai bahan bacaan ringan tetapi sebagai sumber maklumat terkini.

Terdapat juga tulisan mengenai panduan menggunakan bahan-bahan daripada akhbar dan majalah untuk tujuan pengajaran di bilik darjah. Noor Azlina Yunus (1985) memberi penekanan kepada kaedah-kaedah mengajar menggunakan bahan berbentuk gambar dan iklan daripada sumber akhbar, majalah dan kalendar untuk tujuan mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris di bilik darjah.

Antara aktiviti-aktiviti bahasa yang boleh diajar dengan petikan iklan daripada akhbar dan majalah ialah:

- (i) Aktiviti mengarang - Guru menggunakan iklan barang dan meminta pelajar menulis surat kiriman memesan barang-barang dari pihak pengeluar.
- (ii) Aktiviti perbicangan - Guru menggunakan iklan wayang gambar dan meminta murid-murid memberikan pendapat tentang pelakon yang terpilih, waktu tayangan dan perbincangan tentang sinopsis cerita (jika ada murid yang menonton). Iklan pelancongan juga boleh digunakan bagi tujuan perbincangan, iaitu guru meminta murid-murid memberikan pendapat dan sebab terhadap agensi pelancongan dan negara yang akan menjadi pilihan murid-murid seandainya mereka diberi peluang untuk melancong.
- (iii) Aktiviti lakunan - Aktiviti ini sesuai bagi iklan memohon pekerjaan. Guru boleh meminta murid berlakon sebagai penemuduga dan pemohon pekerjaan.
- (iv) Aktiviti berdailog di telefon - Bagi iklan menyewa atau membeli rumah, aktiviti perbualan di telefon boleh digunakan. Para pelajar boleh berlakun

sebagai penyewa dan tuan yang menawarkan rumah atau bilik untuk disewa.

Perbualan di telefon ini termasuklah proses tawar-menawar antara pihak yang ingin menyewa dan tuan rumah dari segi harga, kemudahan dan sebagainya. (Noor Azlina, 1985: 74 - 79).

Bagi aktiviti gambar pula, terdapat empat aktiviti menarik yang boleh dilakukan iaitu:

- (i) Aktiviti meneka, memberikan penerangan dan menulis karangan berdasarkan gambar yang dipotong daripada akhbar atau majalah. Contohnya, gambar seorang perempuan. Guru boleh menyuruh pelajar-pelajarnya meneka siapakah perempuan berkenaan, umur, pekerjaan dan maklumat-maklumat lain. Pelajar-pelajar boleh diminta juga memberi penerangan dan menulis karangan berdasarkan sesuatu peristiwa yang ditunjukkan di dalam gambar.
- (ii) Aktiviti perbincangan - Guru mengedarkan beberapa keping gambar yang menunjukkan sesuatu peristiwa yang sama tetapi berlaku dalam masa yang berbeza, iaitu masa lepas, masa sekarang dan masa akan datang. Murid-murid diminta memberikan ulasan dan menulis rumusan.
- (iii) Aktiviti melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan atau frasa yang paling sesuai berdasarkan peristiwa yang ditunjukkan di dalam gambar.
- (iv) Aktiviti mencantumkan gambar dengan teks yang sesuai - Beberapa gambar dan teks dipotong dan dibahagi-bahagikan kepada murid-murid. Guru akan

meminta murid mencantumkan gambar-gambar yang dipisahkan itu dengan teks (cerita) yang paling sesuai. (Noor Azlina, 1985: 64 - 71)

Azizul (1991:13-14) menyarankan agar guru-guru menggunakan bahan sastera daripada majalah untuk mengajar bahasa. Guru boleh menggalakkan murid-murid mereka menyalin semula ayat-ayat dan frasa yang menarik daripada cerpen-cerpen yang terdapat dalam majalah ke dalam buku skrap. Mengikut Azizul, koleksi ayat dan frasa ini membolehkan para pelajar menggunakan dalam pertuturan lisan atau semasa menulis karangan mereka.

Antara kaedah berkesan yang membolehkan para pelajar memahami cerpen yang dibaca daripada majalah ialah dengan meminta mereka melukis dalam bentuk komik. Cara perlaksanaannya ialah:

- (i) Para pelajar dikehendaki membaca cerpen di rumah.
- (ii) Di dalam bilik darjah, beberapa orang pelajar menceritakan semula cerpen tersebut.
- (iii) Para pelajar berbincang secara kumpulan untuk mendapatkan tema, isi-isi penting dan urutan peristiwa dalam cerpen.
- (iv) Pelajar melukis grafik dalam bentuk lukisan dan memasukkan dialog sendiri berdasarkan cerpen yang dibaca. (Azizul, 1991: 15)

Mat Nor dan Ab. Rahman berpendapat para pelajar seharusnya dilatih untuk menggunakan kamus dalam pembelajaran bahasa. Mereka mencadangkan penggunaan ruangan 'teka kata' daripada akhbar untuk mengajar aspek tatabahasa. Urutan kaedah yang dicadangkan ialah:

- (i) Guru meminta pelajar membawa kamus ke dalam kelas pada hari yang ditentukan.
- (ii) Guru mengedarkan keratan 'tekakata' daripada akhbar.
- (iii) Guru meminta pelajar membaca penerangan 'tekakata' sambil merujuk kamus.
- (iv) Arahkan pelajar memenuhi petak-petak kosong dengan huruf-huruf yang sesuai.
- (v) Para pelajar diminta menulis ayat-ayat yang berbeza maknanya dengan menggunakan perkataan yang sama. (Mat Nor dan Ab. Rahman, 1988:87)

Di samping itu, pihak akhbar **Berita Harian** dan pihak penerbita majalah **Dewan Siswa** menyediakan buku dan risalah-risalah khas yang mengandungi panduan yang lengkap tentang kaedah-kaedah menggunakan akhbar dan majalah untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

2.3.2 KAJIAN DAN TULISAN LUAR NEGERI

Berbanding dengan kajian dan tulisan dalam negeri, kajian luar negeri lebih memfokuskan perhatian kepada kesan penggunaan bahan akhbar dalam bilik darjah dan kaedah-kaedah atau cara-cara yang sesuai untuk menggunakan akhbar dan majalah supaya pengajaran di bilik darjah menjadi lebih menarik dan berkesan. Selain itu, seperti kajian dalam negeri, kajian di luar negeri juga termasuk kajian dan tulisan terhadap perbandingan jenis media yang lebih diminati dan banyak digunakan sebagai alat bantu dalam pengajaran di bilik darjah oleh guru-guru, kaitan minat membaca akhbar dengan sikap dan dorongan ibu bapa, kesesuaian bahan, sikap para guru terhadap penggunaan bahan akhbar dan majalah, dan kemahiran membaca (dengan rujukan khusus kepada akhbar).

Berikut ialah antara beberapa kajian dan tulisan yang dipetik. Kajian oleh Hubert H. Mills dan Hurl R. Douglass (Iman Hanafi Soedjiantno et. al., 1981:11) di Amerika Syarikat pada tahun 1950-an mendapati guru-guru bergantung semata-mata kepada buku teks sahaja semasa menjalankan tugasnya. Dapatkan kajian terhadap sikap guru ini bersamaan dengan dapatkan kajian dalam negeri oleh Ab. Rahman Rashid; cuma bezanya dapatkan ini berlaku dalam tahun 1950-an. Sebaliknya, dapatkan kajian dalam negeri menunjukkan dapatkan yang sama masih terjadi walaupun dalam tahun-tahun 1970-an hingga 1980-an.

Menurut Edward F. DeRoche (ANPA 1990: 19) penggunaan 'Newspaper In Education (NIE)' mulai mendapat sambutan guru-guru di Amerika Syarikat dan Kanada secara meluas mulai tahun-tahun 1970-an. Antara kesan-kesan terhadap penggunaan akhbar yang meluas itu ialah:

- (i) Kanak-kanak dan para remaja yang terdedah kepada program NIE (Newspaper In Education) di bilik darjah didapati mempunyai lebih pengetahuan terhadap hal-hal semasa, lebih berpengetahuan dalam bidang politik dan dijangka akan bergerak aktif dalam hal-hal kemasyarakatan.
- (ii) Guru-guru yang menggunakan akhbar dalam pengajaran mereka mempunyai sifat yang terbuka dan mengikuti perkembangan dan industri persuratkhabaran. Mereka mulai melihat akhbar dari sudut pendidikan.
- (iii) Surat khabar terbukti sebagai bahan sokongan yang berkesan untuk mengajar kemahiran membaca dan kesahaman.
- (iv) Pencapaian para pelajar dalam kemahiran bacaan, kesahaman dan tulisan telah meningkat dengan penggunaan akhbar sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah.
- (v) Pelajar di negara Sweden menggunakan akhbar sebagai sumber utama dalam mempertingkatkan kemahiran membaca mereka di samping sebagai bahan bacaan yang lazim.

Kajian oleh Maskovsky (1972: 19) menunjukkan bahawa pencapaian para pelajar yang terdedah kepada program NIE jauh lebih baik, berbanding dengan para pelajar yang tidak terdedah pernah kepada program pembelajaran secara NIE.

Kajian Soverly et al. (1975: 260) terhadap sambutan pelajar semasa surat khabar digunakan dalam pengajaran bahasa, di 'Inner City Junior High School' di Chicago, mendapati para pelajar memberikan sambutan yang positif berbanding dengan semasa buku teks digunakan. Antara dapatan tentang kesan penggunaan akhbar sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah ialah:

- (i) Penyertaan para pelajar terhadap aktiviti-aktiviti perbincangan di dalam kelas didapati lebih aktif.
- (ii) Para pelajar didapati semakin berminat menggunakan perpustakaan sekolah mereka.
- (iii) Para pelajar memilih untuk terus membaca akhbar walaupun di luar bilik darjah kerana sikap ingin tahu.

Hasil kajiannya, Soverly membuat rumusan bahawa:

"The newspaper does motivate a student to read. It is up to date; it involves the student reader because his world is right now. The variety piques his curiosity and fuels his interest. Many of our poorer students, who refused to read anything, turned into avid readers."

(Soverly et al. 1975: 261)

Selain itu, kajian oleh Rowe (1977), Berryman (1973), Geyer (1979), The Newspaper Advertising Bureau (1982), Seely (1980) dan DeRoche (1990:19) menemukan keputusan yang hampir bersamaan dan saling berkaitan walaupun menggunakan sampel pelajar yang berbeza, iaitu:

- (i) Bahan akhbar adalah sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah.
- (ii) Penggunaan bahan akhbar untuk pengajaran bahasa di bilik darjah paling berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca dan memahami di kalangan pelajar.

Firth (1968) pula mendapati ruangan yang paling menarik minat para pelajar ialah ruangan iklan dan surat kepada editor. Menurut Firth, para pelajar boleh dilatih untuk mengenal pasti sumber dan khayalak sasaran sesebuah iklan di samping memberikan rumusan keberkesanan iklan berkenaan untuk 'memujuk' khayalak sasarannya. Ruangan 'surat kepada editor' pula sesuai digunakan untuk kemahiran mendengar dan bertutur iaitu sebagai perbahasan mengenai sesuatu isu. Sesudah perbincangan guru boleh meperluaskan latihan kepada kemahiran menulis iaitu dengan meminta murid-murid menulis ulasan mengenai sesuatu perkara sama ada menyokong ataupun memberikan kritikan dalam bentuk surat kepada pengarang.

Di samping itu, menurut Firth (1968:45) majalah sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran menulis, iaitu menulis perbandingan yang terdapat di antara pelbagai jenis majalah, sama ada dari segi gambar, mutu kertas, warna dan isi kandungan yang digunakan. Keputusan kajian Firth juga menunjukkan ruangan cerpen atau 'stories' dalam majalah adalah amat menarik minat pelajar bila digunakan untuk mengajar kemahiran menulis. Para pelajar (peringkat sekolah menengah) boleh diminta untuk menulis ulasan mengenai perlakuan watak-watak dalam cerpen yang dibincangkan.

Bagaimanapun, Michael G. Allen dan Raymond Lee (1980: 52-55) mengingatkan para guru, ibu bapa dan para pelajar agar dalam kegairahan terhadap penggunaan media massa, mereka perlulah berhati-hati kerana:

"Today's mass media are not only an environment from which students are informed, entertained or educated, but also powerful institution that shapes their behavior and attitudes.....It is essential that educators develop a real grounded understanding of mass media before developing learning experiences in mass media education."

(Michael & Raymond, 1980:53).

Oleh itu, mereka berpendapat bahawa penting bagi guru untuk mengajar para pelajarnya membezakan antara fakta dengan pendapat orang perseorangan ataupun agensi. Mereka menyatakan adalah menjadi tanggungjawab guru untuk membimbing

para pelajar dan mengingatkan mereka bahawa media massa mempunyai konsep-konsep dan 'sifat-sifat semula jadi' seperti berikut:

- (i) Laporan berita dan tulisan rencana yang tersiar adalah ditulis mengikut selera dan pendapat para pengarang, pemberita dan penggubal dasar negara.
Berita yang tersiar telah melalui proses penapisan dan tidak semestinya asli lagi.
- (ii) Media-massa dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta dan berorientasikan keuntungan.
- (iii) Cerita yang ditayangkan oleh pawagam, di dalam filem dan televisyen bukanlah seratus peratus menggambarkan dunia yang sebenar dan rasional.
- (iv) Media massa berupaya mempengaruhi tingkah laku dan sikap kita. Media massa boleh membawa kesan-kesan negatif dalam kehidupan masyarakat.
- (v) Tidak semestinya semua laporan dalam media massa ditulis secara jujur dan ikhlas.
- (vi) Pengiklanan di dalam media massa berorientasikan pemasaran dan perniagaan. Oleh itu, tidak semua maklumat iklan adalah tepat.

Michael dan Raymond (1980) juga berpendapat bahawa guru perlu menyedarkan para pelajar bahawa para pelajar mempunyai hak untuk memberikan pandangan dan komen-komen kepada pihak media massa dalam memperbaiki dan mewujudkan rancangan-rancangan yang lebih berkualiti.

Menurut para sarjana dan pengkaji-pengkaji dari bidang pendidikan, antaranya John H. Haefner (ANPA 1990: 16), Mary M. Dupius (1984), Abbott (1976: 52-55), Firth (1968) dan lain-lain, penggunaan akhbar dan majalah patut diamalkan oleh para pendidik dalam pengajaran mereka. Ini adalah kerana penggunaan bahan-bahan ini bukan sahaja dapat menimbulkan minat, ransangan, keseronokan kepada para pelajar tetapi akan memberikan kesan-kesan sampingan yang positif dalam kehidupan mereka serta negara.

3.0 PENUTUP

Berdasarkan kajian-kajian dan tulisan-tulisan yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji di atas, dapatlah dirumuskan bahawa bahan-bahan akhbar dan majalah adalah sesuai untuk digunakan sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah yang berkesan. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan oleh guru berdasarkan bahan akhbar dan majalah untuk memancing minat para pelajar.